

09/09/1999

Punca tiada pilihan raya: Fadzil

ALOR STAR, Rabu - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, mendakwa sokongan pengundi Melayu kepada Barisan Nasional (BN) merosot sehingga 20 peratus apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengkritik Datuk Dr Harun Din.

Beliau berkata, oleh sebab itu pilihan raya tidak jadi diadakan pada bulan ini seperti yang diramalkan oleh banyak pihak, kerana BN bimbang dengan kemerosotan pengundi Melayu itu.

"Saya dapat maklumat ini daripada pegawai kerajaan sendiri ketika berceramah di Jengka, Pahang, baru-baru ini," katanya dalam ceramah politik di Alor Jangus dekat sini, malam tadi.

Turut hadir Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd Nor.

Fadzil berkata pegawai itu memberitahunya masyarakat Melayu yang menyokong BN kini begitu marah apabila Dr Mahathir dikatakan menghina Dr Harun, yang mereka anggap sebagai ulama.

Katanya, orang ramai tidak dapat menerima bila Dr Mahathir mencela Dr Harun, yang juga anggota Pas, sebagai seorang bomoh yang mengambil kesempatan melariskan `air penawar'nya.

"Dr Mahathir pernah menyatakan di Melaka tidak lama dulu, Dr Harun tidak sewajarnya dianggap ulama kerana memaki hamun beliau (Dr Mahathir) dan mengambil kesempatan menipu orang ramai dengan air jampinya," katanya.

Sambil mempertahankan Dr Harun, Fadzil berkata Dr Harun tidak pernah meminta orang ramai datang mengambil air penawar daripadanya, sebaliknya mereka sendiri yang datang kepada beliau bagi mendapatkan air penawar itu.

Sementara itu, Ezam pula dalam ucapannya sekali lagi mendedahkan antara pemimpin yang akan dibongkarkan penyelewengan mereka melalui `enam kotak dokumen rahsia' ialah pemimpin dari Kedah.

Katanya, kesemua enam kotak dokumen yang tersimpan di luar negara itu adalah mengenai penyelewengan dan amalan rasuah pemimpin kerajaan BN dan tokoh-tokoh korporat, termasuk dari Kedah sendiri.

(END)